



HALAQAH
BICARA INTELEK



UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
ISLAMIC UNIVERSITY OF MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA, KHAMIS, 17 DIS 2015

Halaqah Bicara Inteltek UIM (HBI)

PADA 22 Disember 2015 yang akan datang UIM akan mengadakan sebuah program perkongsian ilmu iaitu Halaqah Bicara Inteltek (HBI). Halaqah Bicara Inteltek atau lebih dikenali sebagai HBI merupakan satu sesi percambahan bicara kepelbagaian ilmu anjuran Universiti Islam Malaysia (UIM).

Program HBI ini diadakan pada setiap bulan serta membincangkan isu-isu kontemporari.

Program ini merupakan sebuah sesi bicara kepelbagaian ilmu yang meliputi semua bidang tanpa sempadan selagi ia memberi pengertian yang berharga kepada manusia dan masyarakat.

Setiap sesi akan disampaikan oleh seorang tokoh inteltek yang akan dikenali sebagai "Amir Halaqah".

Adalah perlu dijelaskan di sini iaitu HBI pada kali ini telah memilih satu tajuk yang sangat istimewa dan menjadi perbincangan umum pelbagai lapisan masyarakat semasa di Malaysia iaitu mengenai isu tanah yang disampaikan oleh Dato' Dr. Sallehuddin bin Ishak, Ketua Pengarah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) - Pegawai Tertinggi Pengurusan Tanah & Galian Negara.

Menyedari tajuk ini berkait rapat dengan pentadbiran tanah Dato' Dr. Sallehuddin yang mempunyai pengalaman lebih daripada 25 tahun berkhidmat di semua lapisan pentadbiran tanah Persekutuan, Negeri dan Daerah telah dipilih untuk menjadi "Amir Halaqah" pada siri HBI kali ini dengan tajuknya, 'Konsep Tanah di Malaysia dan Hubungkaitnya dengan Institusi Kesultanan Melayu'. Tambahan lagi, beliau juga merupakan penggerak dalam banyak kajian bagi menyelesaikan isu-isu pentadbiran tanah.

Secara umumnya, program HBI ini adalah terbuka kepada semua lapisan masyarakat bagi menambah ilmu pengetahuan disamping melahirkan sebuah masyarakat yang ingin mencari *wisdom & truth* atau kebijaksanaan dan kebenaran.

HBI ini dijadikan sebagai percambahan intelektual yang merentasi pelbagai bidang pengajian tanpa sempadan dan disampaikan oleh Amir Halaqah yang terdiri daripada mereka yang berpengalaman



Program HBI ini adalah terbuka kepada semua lapisan masyarakat bagi menambah ilmu pengetahuan di samping melahirkan sebuah masyarakat yang ingin mencari *wisdom & truth* atau kebijaksanaan dan kebenaran."

DR. SALLEHUDDIN ISHAK
Ketua Pengarah di Jabatan
Ketua Pengarah Tanah dan
Galian Persekutuan

man luas dalam bidang yang dibicarakan dengan mengambil kira latarbelakang kerjaya mereka sebagai pembuat dasar, pelaksanaan dasar, kebolehan dan kepakaran mereka diiktiraf oleh masyarakat.

info

HALAQAH BICARA INTELEK (HBI)

- > Halaqah Bicara Inteltek (HBI) anjuran Universiti Islam Malaysia (UIM) dalam sirinya yang ke-15 pada 22 Disember 2015 akan datang bertempat di UIM, Cyberjaya bakal menampilkan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Datuk Dr. Sallehuddin Ishak.
- > HBI merupakan terjemahan aspirasi UIM dalam mengetengahkan *Wisdom* sebagai tema utamanya.
- > HBI menjadi satu platform penting bagi para pakar dan cendekiawan berkongsi pengalaman dan kepakaran mereka masing-masing kepada masyarakat awam sambil bertukar-tukar pandangan.
- > Syarahan umum seperti ini merupakan antara fungsi utama institusi ilmu pada zaman dahulu selain menawarkan kuliah pengajian berjadual yang memerlukan modul tersusun. Pembicara HBI digelar sebagai Amir atau Amirah Halaqah.
- > UIM telah menganjurkan 14 siri HBI bermula sejak 18 Februari 2014 dengan menampilkan pelbagai tokoh ternama seperti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz Bin Juned (Mufti Negara Brunei), Tun Abdul Hamid Mohamad, Tan Sri Prof. Ulung Dr. Kamal Hassan, Tan Sri Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Arshad, Tan Sri Dato' Nor Mohamed Yacop dan ramai lagi.